



JAWATAN KOSONG

YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (845878-A)

Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) telah ditubuhkan pada 05 Februari 2009 dan bertanggungjawab menguruskan beberapa program Iltizam Selangor Penyayang (ISP).

Warganegara Malaysia yang layak diperlukan untuk mengisi jawatan berikut dengan segera.

KERANI PENDAFTARAN – KP12 (TETAP) 1 Kekosongan

- Warganegara Malaysia;
- Calon perlu merupakan lepasan SPM atau mempunyai Sijil dalam bidang pengkeranian atau yang berkaitan;
- Mahir menggunakan komputer terutamanya microsoft office;
- Mahir berkomunikasi dalam Bahasa Melayu;
- Boleh menguruskan masa dengan baik;
- Boleh bekerja lebih masa;
- Boleh bekerja di bawah pengawasan yang minimum; dan
- Boleh bekerja dalam kumpulan.

SKOP KERJA

- Bertanggungjawab dalam kerja-kerja kunci masuk data ke dalam sistem;
- Bertanggungjawab memastikan semua borang permohonan dikunci masuk dan direkod ke dalam sistem;
- Bertanggungjawab melakukan kerja-kerja imbasan borang serta dokumen;
- Bekerjasama rapat dengan kakitangan dan Jabatan lain dalam menguruskan dokumen serta program;
- Melaksanakan pelbagai tugas perkeranian seperti menaip, menyusun, menyalin data memfailkan rekod/laporan mengikut keperluan;
- Menguruskan dan menyelesaikan kerja-kerja tambahan yang diarahkan oleh pihak atasan.
- Bertanggungjawab menguruskan lain-lain tugas.

GAJI DAN FAEDAH DITAWARKAN

- Gaji bulanan yang menarik
- Jawatan Tetap
- Faedah perubatan diklinik panel
- Skim insuran perubatan dan insuran hayat disediakan

TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA 14 DISEMBER 2022

Sila emel permohonan anda ke alamat emel hr@yawas.my dengan melampirkan perkara-perkara berikut:

- Sila nyatakan jenis jawatan yang dipohon pada PERKARA seperti: KERANI PENDAFTARAN
- Resume
- Sijil-sijil berkaitan

Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi:

03-5481 8846 (Pn. Ana)